

01/03/1997

Tolak pemimpin ada muslihat politik (HL)

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan ahli koperasi jangan memilih ahli lembaga pengarah yang hanya popular dan mempunyai muslihat politik diri bagi mengelak organisasi itu kerugian besar.

Menurut Perdana Menteri, ahli koperasi harus bijak memilih lembaga pengarahnya serta menentukan pengurusan dan perniagaan yang akan disertai.

"Jika ahli-ahli lembaga pengarah yang biasanya bukan profesional dan tidak bekerja sepenuh masa, cekap mengurus dan pintar berniaga, maka untunglah koperasi.

"Sebaliknya, jika yang dipilih itu hanya popular dan mempunyai muslihat politik diri, maka rugi besarlah koperasi itu," katanya berucap pada pelancaran nama baru dan logo Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB) di Dewan Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Dengan pelancaran logo itu, KUB yang ditubuhkan 19 tahun lalu dan mempunyai kira-kira 135,000 pemegang saham akan dikenali sebagai KUB Malaysia Berhad.

Serentak langkah pengkorporatan itu, KUB Malaysia Berhad akan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), tidak lama lagi.

Dr Mahathir berkata, apabila disenaraikan di BSKL nanti, pemegang saham KUB mungkin boleh melihat pengurusan modal dunia perniagaan moden dapat melipatgandakan pelaburan mereka.

"Orang Melayu tidak lagi dibelenggu dengan fahaman negatif di sebalik pepatah rezeki secupak tidak akan menjadi segantang.

"Saya percaya, KUB di bawah sistem pengurusan ala korporat ini akan mampu berkembang dengan lebih pesat lagi.

"Tetapi semua pihak hendaklah sedar bahawa syarikat perniagaan berkemungkinan rugi jika tidak diurus oleh pihak yang cekap atau tidak bertanggungjawab," katanya.

Menurutnya, dalam perniagaan, modal dan pengurusan adalah dua kekuatan yang harus dipikul serta ditingkatkan.

Syarikat yang bertaraf dunia seperti syarikat minyak, umpamanya Shell dan Esso dan syarikat teknologi seperti IBM dan Microsoft, memperlihatkan kekuatan modal serta pengurusan yang saling menyokong antara satu sama lain.

Kepercayaan kepada pengurusan bergantung kepada prestasi syarikat seperti itu terbukti melalui audit yang sahih tiap-tiap tahun.

Jika kepercayaan itu ada, pelabur akan meminati saham syarikat dan nilainya akan meningkat.

Pelabur dan pemegang saham harus mengambil berat akan nilai saham dan untung rugi syarikat.

Dr Mahathir berkata, jika KUB terus berjaya merintis dan meneroka bidang perniagaan baru seperti diperlihatkan sekarang serta memberi pulangan baik kepada pelabur dan kepercayaan mereka kepada prestasi syarikat itu akan meningkat.

"Malah KUB harus memperluaskan peluang bagi pelabur sekarang meningkatkan pelaburan dan tidak menjual saham mereka untuk keuntungan jangka pendek," katanya.

Beliau mahu pengurusan KUB tidak hanya memasuki bidang yang sudah padat dipenuhi peniaga lain.

Pengurusan sesebuah koperasi perlu lebih inovatif dan menerokai bidang baru bagi negara walaupun ia mungkin biasa di negara maju.

Setiap perkembangan dalam dunia perniagaan perlu diteliti oleh pengurusan supaya peluang yang baik tidak terlepas kepada peniaga lain.

Perdana Menteri juga meminta pengurusan KUB memerhati dan mencari peluang daripada perkembangan teknologi maklumat (IT).

Negara sedang memasuki era IT dan berpuluh jenis perniagaan dicipta berasaskan teknologi itu yang tidak semuanya terlalu canggih dan memerlukan kepakaran yang belum ada pada rakyat.

"Justeru itu, pengurusan KUB hendaklah mencari peluang daripada IT ini kerana permulaan mesti dibuat sebelum kejayaan dan pembesaran dicapai.

"Namun kefahaman yang mendalam dan menyeluruh diperlukan supaya risiko dapat dikurangkan," katanya.

(END)